

Kerajaan patut tentukan tambatan ringgit: Dr M

NILAI tambatan ringgit sepatutnya ditentukan oleh kerajaan dan bukan pasaran kerana pasaran terbuka kepada kegiatan manipulasi, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

"(Dan) kita terpaksa menentukan (nilai) berdasarkan kepada kekuatan ekonomi kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan peserta di Persidangan Pegawai Kewangan (CFO) 2005 bertajuk 'Memacu Keuntungan dalam Ekonomi Hari Ini' di Kuala Lumpur, semalam.

Bekas Perdana Menteri menyampaikan ucapan tama bertajuk 'Persyarikatan Malaysia - Lawatan Semula' pada persidangan yang dianjurkan bersama Persekutuan Syarikat Sena-

rai Awam (FPLC) dan NTP World Forum di Kuala Lumpur, semalam.

Persidangan itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Ng Yen Yen.

Dr Mahathir berkata, apabila kerajaan mengambil keputusan mengenai kawalan mata wang, ia turut mempunyai rancangan mengenai apa yang perlu dilakukan sepanjang masa untuk terus kompetitif.

Katanya, ini termasuk mengkaji kenaikan dan penurunan mata wang negara jiran sama ada mereka turun atau naik sebanyak 20 peratus.

"Untuk terus kompetitif, kita patut menimbang menilai semula mata wang kita," katanya.

Beliau memberi contoh dolar

Amerika (AS\$) yang ketika ini dinia-gakan pada 130 sen AS bagi satu Euro berbanding 80 sen AS dulu.

"Memandangkan unit tempatan ditambah kepada dolar, Ringgit sudah turun susut nilai berbanding Euro, pound sterling dan Yen dan negara itu adalah negara dagangan besar Malaysia.

"Apabila menurun nilai atau menilai semula Ringgit, kerajaan perlu memutuskan mengenai kedua-dua pro dan kontra," katanya.

Sementara itu, ketika berucap, Dr Mahathir berkata, rakyat tidak harus malu dengan konsep persyarikatan Malaysia kerana ia bukan sesuatu yang baru atau hanya terhadap kepada negara ini.

Bekas Perdana Menteri berkata, ramai rakyat Malaysia malu dan enggan mengaku kejayaan konsep itu dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara kerana ia sering dikaitkan dengan kronisme.

"Bagaimana Malaysia boleh mencapai pertumbuhan setinggi ini jika konsep persyarikatan Malaysia akan merosakkan ekonomi dan kebaikan rakyat?"

"Adakah anda menghadapi rasa rendah diri yang sangat atau anda menerima dua standard berbeza ia itu apa yang dilakukan negara kaya dan berkuasa sebagai sah dan betul tetapi jika dilakukan oleh negara miskin, ia adalah salah," katanya.

Dr Mahathir berkata, konsep itu

sering dikecam Barat yang mengang-gap kerajaan mengamalkan kronisme dan dituduh bersikap pilih kasih.

"Kerjasama antara sektor swasta dan kerajaan bukan perkara baru dan terhad di Malaysia serta negara lain di Asia Timur. Malah negara Eropah juga sering mengamalkan konsep ini.

"Sebaliknya, mereka menggunakan kekerasan dan penaklukan ketenteraan bagi memastikan kejayaan ahli perniagaan mereka terutama yang mana kerajaan turut mempunyai kepentingan," katanya.

Beliau menegaskan dasar kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta yang diamalkan Malaysia tidak pernah membabitkan penggunaan kekerasan seperti di Barat.

BH - 11/5/2005: B1